

Jumlah pesakit buah pinggang meningkat

Penghidap perlu rawatan dialisis dijangka cecah 106,000 pada 2040

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jumlah pesakit buah pinggang kronik, yang memerlukan rawatan dialisis dijangka mencapai 106,000 pada 2040, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, lebih membimbangkan apabila 30 peratus daripada pesakit itu adalah golongan muda berusia bawah 45 tahun.

Katanya, kebanyakan kes penyakit buah pinggang kronik (CKD) itu berpunca daripada diabetes dan penyakit darah tinggi.

“Pada 2018, statistik menunjukkan jumlah CKD meningkat kepada 16 peratus atau 2.6 juta pesakit dan angka itu semakin meningkat setiap tahun.

“Ketika ini, dicatatkan 40,000 pesakit menghadapi masalah buah pinggang dan menjalani dialisis di negara ini. Lebih 8,000 pesakit baharu disahkan setiap tahun.

“Jumlah ini semakin meningkat tanpa melihatkan sebarang tanda penurunan,” katanya berucap merasmikan Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2022 Peringkat Kebangsaan secara dalam talian, semalam.

Sambutan itu dianjurkan Unit



Khairy ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2022 Peringkat Kebangsaan secara dalam talian, semalam.

Nefrologi dan Jabatan Kejururawatan Hospital Canselor Tuanku Muhriz dengan kerjasama Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) dan Persatuan Nefrologi Malaysia (MSN).

Yang turut hadir, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dan Pengerusi NFK, Datuk Dr Zaki Morad Mohamad Zaher dan Presiden MSN, Prof Dr Abdul Halim Gafor.

Khairy berkata, dengan kenaikan angka pesakit buah pinggang dan ramalan peningkatan beban penyakit itu, ia dijangka memberi kesan langsung kepada penjagaan kesihatan awam di negara ini.

Pada masa sama, katanya, tahap pengetahuan masyarakat mengenai rawatan terbaik bagi penyakit itu, terutama pemindahan buah pinggang, masih tidak memuaskan.

“Jurang pengetahuan berhu-

bung penyakit ini perlu diperbaiki. Saya percaya jika jurang ini dikecilkan, lebih ramai yang akan menjaga kesihatan buah pinggang mereka, seterusnya mengurangkan kebarangkalian mendapat penyakit ini.

“Untuk mengurangkan jumlah pesakit dan kematian akibat buah pinggang ini, usaha memerangi penyakit kronik lain seperti diabetes dan darah tinggi serta penyakit tidak berjangkit yang lain juga harus dipertingkatkan, membabitkan kerajaan, swasta dan rakyat sendiri,” katanya.

Beliau berkata, pendidikan awam, pembabitan aktif belia dan kanak-kanak melalui program duta ginjal dan aktiviti bersama pesakit untuk pendidikan pradiagnosis serta program komuniti mengenai derma organ juga dapat menggalakkan rawatan secara pembedahan pemindahan buah pinggang ketika hidup.